

MASALAH PENGABAIAN CARUMAN DI KALANGAN MAJIKAN.
SATU KAJIAN DI PEJABAT KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA
BATU PAHAT JOHOR.

OLEH :

ZETI AKHTAR MOHAMAD JAYA 94496166
DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM

PENYELIA :

PUAN NORHAYATI MOHD SALLEH
PENSYARAH PAD 340
INSTITUT TEKNOLOGI MARA CAWANGAN MELAKA

SINOPSIS

Secara keseluruhannya Kertas Projek ini dibahagikan kepada 5 bab. Pada bab yang pertama kertas projek ini memberi pengenalan secara terperinci mengenai masalah pengabaian caruman oleh pihak majikan serta ulasan kepustakaan yang telah dilakukan oleh pelatih . Di dalam bab ini juga ada menerangkan secara ringkas mengenai latar belakang organisasi , fungsi-fungsi serta bidang utama operasi.

Bab kedua pula menghuraikan mengenai permasalahan kajian di mana dari sinilah masalah pengabaian caruman oleh pekerja dapat dikenalpasti melalui petunjuk-petunjuk tertentu yang diperolehi oleh pelatih sewaktu menjalani latihan praktik di organisasi tersebut.

Bab ketiga pula adalah berkenaan punca-punca kepada masalah ini. Punca-punca kepada masalah ini dapat dilihat dari aspek yang menyeluruh dilihat iaitu dari berbagai pihak. Dengan mengesan punca-punca tersebut secara tidak langsung akan dapat mengenalpasti alternatif / cadangan kepada punca masalah.

Alternatif atau cadangan kepada punca masalah dimuatkan di bab keempat . Dengan beberapa alternatif dan cadangan yang diberikan sedikit sebanyak akan membuka jalan kepada pihak KWSP ataupun pihak yang tertentu dalam menangani masalah pengabaian caruman oleh majikan.

Pada bab yang terakhir sekali iaitu kesimpulan menjelaskan mengenai pandangan pelatih mengenai masalah pengabaian caruman dikalangan majikan. Di sini juga pelatih cuba menerangkan segala maklumat yang diperolehinya semasa menjalani latihan praktik di pejabat KWSP.

ISI KANDUNGAN

| <u>TAJUK</u> | <u>MUKA SURAT</u> |
|---|-------------------|
| Sekapur Sirih | i - ii |
| Sinopsis | iii-iv |
| Isi Kandungan | v |
| | |
| <u>BAB I PENGENALAN</u> | |
| 1.0 Pendahuluan | 1 |
| 1.1 Ulasan Kepustakaan | 1-5 |
| 1.2 Objektif | 5 |
| 1.3 Latar Belakang Organisasi | 5-9 |
| | |
| <u>BAB 2 PERMASALAHAN KAJIAN</u> | |
| 2.0 Pendahuluan | 10 |
| 2.2 Peningkatan Rungutan Dari Pekerja | 10-11 |
| 2.3 Caruman Majikan Tidak Mencapai Sasaran | 11 |
| 2.4 Masalah Kegagalan Majikan Membuat Caruman Pekerja | 12 |
| | |
| <u>BAB 3 PUNCA MASALAH</u> | |
| 3.0 Pendahuluan | 13 |
| 3.1 Kurangnya Pengetahuan Dikalangan Majikan | 13-14 |
| 3.2 Kurangnya Pengetahuan Dikalangan Pekerja | 14 |
| 3.3 Masalah Sumber Kewangan | 15 |
| 3.4 Sering Bertukar Kerja | 15-16 |
| 3.5 Kekurangan Anggota | 16 |
| 3.6 Sistem Fail Yang Kurang Efisien | 17 |
| 3.7 Kedudukan Pejabat Yang Jauh | 17-18 |
| | |
| <u>BAB 4 ALTERNATIF BAGI MENGATASI MASALAH / CADANGAN</u> | |
| 4.0 Pendahuluan | 19 |
| 4.1 Memperbanyak Taklimat | 19 |
| 4.2 Peranan Media Massa | 20 |
| 4.3 Memperbaiki Sistem Fail | 20-21 |
| 4.4 Mengadakan Pemeriksaan Dengan Lebih Kerap | 21 |
| 4.5 Menambah Bilangan Kakitangan | 21-22 |
| 4.6 Mendirikan Pejabat Baru Di Daerah Muar | 22 |
| | |
| <u>BAB 5 KESIMPULAN</u> | |
| 23-24 | |
| <u>LAMPIRAN</u> | |
| <u>BIBLIOGRAFI</u> | |

BAB I PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Masalah pengabaian caruman pekerja oleh majikan merupakan masalah utama yang dihadapi oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sejak dahulu lagi. Penyelesaian kepada masalah ini perlulah dilakukan segera dari semasa ke semasa demi menjaga kepentingan pekerja dan ahlinya. Ini adalah kerana pembayaran caruman adalah wajib dilakukan oleh majikan pada setiap bulan seperti yang telah ditetapkan oleh pihak KWSP. Justeru itu pihak KWSP adalah bertanggungjawab untuk menyediakan satu sistem yang efisien dan mudah bagi memastikan majikan memenuhi tanggungjawab dan undang-undang serta kewajipan moral mereka dengan mencarum sejumlah wang kepada badan tersebut bagi pihak pekerja mereka.

1.1 Ulasan Kepustakaan.

Dalam undang-undang buruh di negara ini majikan dan pekerja khususnya di sektor swasta adalah diwajibkan membayar sejumlah wang kepada KWSP untuk skim persaraan. Caruman pekerja dalam konteks Kumpulan Wang Simpanan Pekerja adalah sejumlah wang yang dibayar kepada pihak KWSP di